



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

CUTI TAMBAHAN AIDILFITRI: KESUMA GALAKKAN MAJIKAN BERI KELONGGARAN KEPADA PEKERJA

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menyambut baik pengumuman YAB Perdana Menteri mengenai pemberian cuti tambahan sempena Hari Raya Aidilfitri sebagai penghargaan kepada rakyat Malaysia.

Berdasarkan pengumuman tersebut, sekiranya **Hari Raya Aidilfitri jatuh pada Jumaat, 20 Mac**, Kerajaan akan mengisytiharkan Isnin, **23 Mac sebagai cuti umum tambahan**, atau cuti tambahan pada Jumaat (20 Mac) jika Aidilfitri jatuh pada Sabtu. Langkah ini bertujuan memberi ruang kepada rakyat Malaysia untuk pulang ke kampung halaman serta meraikan Aidilfitri bersama keluarga dengan lebih selesa.

Cuti tambahan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Hari Kelepasan 1951 [Akta 369] yang memperuntukkan kuasa kepada Kerajaan untuk mengisytiharkan hari kelepasan am. Sehubungan itu, cuti yang diisytiharkan ini merupakan hari kelepasan am yang terpakai kepada pekerja sektor swasta tertakluk kepada seksyen 60D Akta Kerja 1955 [Akta 265]. Berdasarkan peruntukan tersebut, majikan boleh menggantikan hari kelepasan am berkenaan dengan mana-mana hari lain sebagai ganti cuti am bergaji kepada pekerja.

Majikan hendaklah memaklumkan kepada pekerja berhubung pengaturan cuti tambahan tersebut sama ada diberikan pada tarikh yang diisytiharkan atau digantikan dengan hari lain yang sesuai. Sekiranya pekerja dikehendaki bekerja pada hari kelepasan am yang diisytiharkan, pekerja tersebut layak menerima kadar bayaran kerja pada hari kelepasan am sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Kerja 1955.

Sehubungan itu, KESUMA menyeru para majikan agar mempertimbangkan pemberian kelonggaran cuti kepada pekerja sebagai sebahagian daripada amalan pekerjaan yang prihatin dan menyokong keseimbangan antara kehidupan dan pekerjaan. Langkah ini diharap dapat memberi ruang kepada pekerja untuk meraikan Aidilfitri dalam suasana kebersamaan, kesejahteraan dan keharmonian bersama keluarga.

KESUMA berpandangan bahawa sambutan perayaan seperti Aidilfitri merupakan masa yang amat bermakna bagi pekerja untuk bersama keluarga dan orang tersayang. Justeru, pemberian kelonggaran cuti oleh majikan akan membantu memastikan pekerja dapat meraikan Aidilfitri dalam suasana kebersamaan, keharmonian dan kesejahteraan. Dalam masa yang sama, KESUMA menggalakkan para majikan untuk mempertimbang pemberian kelonggaran cuti kepada pekerja sebagai sebahagian daripada amalan pekerjaan yang prihatin dan progresif.

Pendekatan ini selaras dengan usaha Kerajaan MADANI untuk memperkukuh keseimbangan antara kehidupan dan pekerjaan (work-life balance) serta mewujudkan persekitaran kerja yang lebih inklusif dan berperikemanusiaan.

KESUMA juga yakin bahawa sikap bertolak ansur dan keprihatinan antara majikan dan pekerja akan menyumbang kepada hubungan perusahaan yang lebih harmoni serta meningkatkan motivasi dan produktiviti tenaga kerja negara dalam jangka masa panjang. Kementerian turut menggalakkan majikan dan pekerja untuk berbincang secara baik bagi memastikan pengurusan operasi syarikat dapat berjalan lancar, sambil memberi ruang kepada pekerja untuk menyambut Aidilfitri dengan penuh makna bersama keluarga.

Semoga sambutan Aidilfitri tahun ini membawa kegembiraan, kesejahteraan dan semangat kebersamaan kepada seluruh rakyat Malaysia.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

15 MAC 2026

LATAR BELAKANG KESUMA

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab untuk pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	